

NO. SOALAN: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. TAN WEE KWONG (WANGSA MAJU)

TARIKH : 27 OKTOBER 2016

SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta PERDANA MENTERI menyatakan contoh tentang keadaan yang Majlis Keselamatan Negara (MKN) menganggap sebagai ancaman yang memerlukan perisytiharan kawasan keselamatan".

JAWAPAN:

**YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada asasnya, perisytiharan kawasan keselamatan akan dibuat apabila terdapat ancaman yang serius terhadap keselamatan negara seperti pencerobohan oleh pihak asing (aktor negara atau bukan negara), keganasan, aktiviti militan dan radikalisme, pandemik dan wabak penyakit, jenayah rentas sempadan dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (33)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 27 OKTOBER 2016
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

SOALAN :-

Y.B. Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bidang tugas sebagai anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah banyak berubah di mana mereka sentiasa berhadapan dengan risiko merbahaya semasa menjalankan tugas. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengemas kini perjawatan, gaji dan elauan anggota JBPM.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Kementerian telah memohon pertambahan perjawatan berjumlah 351 bagi 13 buah balai baru yang siap dibina pada tahun 2015, manakala pada 1 Julai 2016, Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Awam telah menetapkan Gaji Permulaan Terendah (GPT) Perkhidmatan Pegawai Bomba dan Penyelamat Gred KB19 telah dinaikkan dari RM936 kepada RM1,360 iaitu peningkatan sebanyak RM424 atau bersamaan 45.3%. Lapisan gred kenaikan pangkat juga telah ditambahbaik melalui gred kenaikan pangkat KB28 bagi Skim Pegawai Bomba dan gred KB40 bagi Skim Penolong Penguasa Bomba.

Selain itu, Kementerian turut memohon kenaikan kadar Elaun Bayaran Insentif Bomba (BIB), Elaun Khas Skim Bomba dan Elaun Bekerja di Luar Waktu Bekerja Biasa atau lebih dikenali sebagai elaun "on-call" yang turut dipanjangkan kepada anggota bomba. Kesemua permohonan ini masih dalam peringkat pertimbangan pihak Kerajaan.